

**SOALAN NO.: 24**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**KAWASAN**

**TARIKH**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**LISAN**

**TUAN HEE LOY SIAN**

**PETALING JAYA SELATAN 15 MAC 2016, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. TUAN HEE LOY SIAN minta MENTERI KERJA RAYA**

**menyatakan:-**

- (a) usaha Kerajaan untuk mengurangkan bilangan plaza tol terutama di kawasan Lembah Kelang sepetimana yang dijanjikan dalam manifesto BN dalam Pilihan Raya Umum ke 13; dan
  
- (a) langkah Kerajaan untuk mengurangkan kadar tol supaya tidak membebankan rakyat.

## **JAWAPAN:**

Jawapan (a) dan (b):

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sejak dari tahun 2008 telah mula berunding dengan syarikat-syarikat konsesi lebuh raya bagi mengurangkan beban kewangan tol yang ditanggung oleh pengguna.

Rundingan tersebut bertujuan mencari mekanisme terbaik bagi meringankan beban tol dengan mengambil kira pendekatan ‘menang-menang’ kepada semua pihak terlibat, iaitu Kerajaan, syarikat konsesi, pelabur dan juga pengguna. Sehingga kini antara hasil pencapaian dari rundingan tersebut ialah seperti berikut:

- Menangguhkan kenaikan kadar tol di lebuh raya negara ini sejak 8 tahun yang lalu, iaitu dari tahun 2008 hingga 14 Oktober 2015;
- Memansuhkan kutipan tol dan menutup lebih awal 8 plaza tol di 6 lebuh raya;
- Mengurangkan kadar tol melibatkan 3 konsesi lebuh raya;
- Menstrukturkan semula kadar tol untuk lebuh raya-lebuh raya di bawah konsesi PLUS Malaysia Berhad dan Kumpulan ANIH Berhad; dan
- Menambah baik klausa-klausa dalam perjanjian konsesi, termasuk memperuntukkan klausa Mekanisme Semakan Semula Tol - iaitu kenaikan kadar tol tidak lagi dibenarkan secara automatik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Manifesto Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 lalu ialah membabitkan aku janji untuk tidak menaikkan kadar tol lebuh raya antara bandar untuk tempoh 5 tahun (2013 - 2018). Ia merujuk kepada Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) dan Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) sahaja. Oleh itu cadangan mengurangkan bilangan plaza tol di Lembah Klang bukan termasuk dalam Manifesto Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Ke-13.

Sekian. Terima kasih.

